

Pelajar antarabangsa terima ijazah



Barisan graduan BICT (Hons) dari Indonesia yang berjaya memperoleh ijazah pada Majlis Konvokesyen AeU Kali Ke-4 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

» **Lebih 1,200 graduan serata dunia dirai penuh istiadat pada Konvokesyen AeU Ke-4**

Majlis Konvokesyen Asia e University (AeU) kali keempat diadakan dengan penuh tradisi dan adat istiadat bertempat di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 21 September yang lalu. Di samping graduan tempatan, graduan antarabangsa, duta dan wakil kedutaan asing, khususnya dari 33 negara-negara Dialog Kerjasama Asia (ACD) turut meraikan majlis berprestij ini.

Sehingga hari ini, AeU berkembang pesat ke negara ACD seperti di China, India, Pakistan, Sri Lanka, Kemboja, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Singapura, Thailand, Arab Saudi, UAE, Bahrain, Bangladesh, Maldives serta negara bukan ahli ACD seperti Denmark, New Zealand, Hong Kong, Namibia, Kenya, Nigeria, Somalia, Yaman, Mauritius dan United Kingdom.

Lebih 1,200 graduan dari serata dunia menerima ijazah masing-masing dan meraikan kejayaan mereka bersama ahli keluarga dan rakan. Kira-kira 300 graduan antarabangsa dari Indonesia, Sri Lanka, Vietnam, Namibia dan beberapa negara ACD lain turut menerima ijazah ma-

sing-masing.

Pada majlis ini, turut bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) adalah 47 orang pelajar dari Indonesia. Mereka terdiri dari dua kumpulan pelajar yang telah mengikuti program ini sejak tahun 2009 dan tahun 2010 yang dijalankan hasil kerjasama antara Asia e University (AeU) dan Politeknik Negeri Jakarta (PNJ) di Indonesia.

Pelajar AeU-PNJ menjalani pengajian mereka secara jarak jauh untuk tiga tahun pertama pengajian, di mana mereka perlu menghadiri kelas di Indonesia. Pada tahun terakhir pengajian mereka, pelajar mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan mod pengajian secara jarak jauh di Indonesia atau menyambung pengajian mereka selaku pelajar sepenuh masa di AeU, Malaysia.

Mod pengajian AeU secara jarak jauh (*open distance learning*) di Indonesia disokong sistem pengurusan pembelajaran dipanggil myPLS (*Personalised Learning Space*), yang membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran dan isi kandungan video kursus berkenaan, berkomunikasi dengan Fasilitator Akademik melalui forum, serta menghantar tugas secara atas talian. Bagi pelajar AeU yang menuntut secara sepenuh masa pula, pertemuan dengan pensyarah akan diadakan setiap minggu yang memberi peluang pelajar berbincang secara bersemuka dengan pensyarah mereka.

Program kerjasama antara AeU dan PNJ turut menyelaraskan pe-

nempatan industri pelajar sama ada di Malaysia atau Indonesia bergantung kepada lokasi pembelajaran mereka. Bagi peperiksaan akhir pula, pelajar sepenuh masa di Malaysia akan menduduki peperiksaan di Kuala Lumpur, manakala pelajar jarak jauh di Indonesia pula akan menduduki peperiksaan mereka di Jakarta.

Mod pengajian

Pelajar AeU boleh memilih untuk memasuki program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) ini secara sepenuh masa ataupun secara sambilan. Pelajar secara sambilan melalui mod pembelajaran secara jarak jauh, akan dibantu melalui portal pendidikan yang dibangunkan oleh AeU iaitu myPLS. Menerusi sistem pengurusan pembelajaran seperti myPLS, pelbagai sumber pembelajaran seperti modul berasaskan laman web dan bahan kursus multimedia dapat diakses dan dimuat turun pelajar lebih awal pada bila-bila masa, di mana saja mereka berada.

Sementara bagi mod pengajian adalah secara sepenuh masa, pengajaran dilakukan secara konvensional di mana fasilitator akademik akan mengajar secara bersemuka di dalam kelas sama ada di dalam kampus induk AeU di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana lokasi pembelajaran AeU di seluruh negara.

Tempoh pengajian program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi sekurang-kurangnya tiga tahun, mencakupi 14 semester.

Penukaran mod pembelajaran

Sehubungan dengan keanjalan sistem pembelajaran, pelajar-pelajar PNJ dibolehkan untuk menukar mod pembelajaran ketika menuntut daripada pengajian secara jarak jauh kepada pengajian sepenuh masa, dan sebaliknya. Bagi para pelajar dari Indonesia ini, pengajian jarak jauh secara e-pembelajaran yang bersifat fleksibel ini memudahkan golongan yang bekerja untuk belajar secara maya dari Indonesia, sementara bagi mereka yang memilih untuk belajar secara sepenuh masa boleh menyambung pengajian mereka di Malaysia.

Prospek kerjaya

Dalam merencanakan prospek kerjaya graduan, program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini menawarkan peluang bekerja atau latihan industri di Malaysia kepada pelajar dari Indonesia. Menerusi hubungan kerjasama di antara AeU dengan pemain industri ICT tanah air, AeU akan menempatkan pelajar itu di firma teknologi maklumat (IT) terpilih bagi tujuan latihan sambil bekerja. Pada akhir tempoh latihan hanya pelajar yang sesuai dan cemerlang akan dipilih untuk diambil bekerja, termasuk menguruskan perihal visa bekerja mereka.

Pada akhir program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini, graduan bakal dilengkapi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi meliputi teknologi aplikasi tanpa wayar, komunikasi bergerak dan

internet. Ketika proses pembelajaran, pelajar akan mempamerkan kompetensi dan kemahiran daripada segi pemikiran kritikal, resolusi konflik, kreativiti, kepintaran, kerja dalam pasukan, komunikasi efektif dan kualiti sebagai pemimpin.

Mereka turut memiliki ciri-ciri seperti kebertanggungjawaban, akauntabiliti dan bersifat profesional serta beretika sewaktu menjalankan tugas bagi pihak majikan. Graduan juga diharapkan dapat bekerja dalam pasukan bersaiz kecil, memahami proses pembangunan perisian atau sistem, berkebolehan menganalisis dan mereka bentuk sistem, berpengalaman dalam pembangunan pangkalan data, data-data komunikasi, pembangunan laman sesawang dan sistem maklumat. Program ini direka khas secara tuntas untuk melengkapkan graduan dengan konsep teori dan analisis ICT bagi menyediakan mereka untuk mengharungi cabaran serta kompleksiti dunia teknologi maklumat yang dinamik dan bersifat global.

Graduan Sarjana Muda Maklumat dan Komunikasi memang diperlukan dan amat digemari oleh industri berkaitan seperti pendidikan, perbankan, korporat, telekomunikasi, percetakan, filem/animasi, penyiaran dan pengiklanan. Program ini melengkapkan graduan untuk menghadapi cabaran dunia ICT sekalipun tugas berat sebagai profesional atau pengurus teknikal dalam sektor telekomunikasi yang bergerak pantas.

Jobstreet, sebuah agensi pekerjaan yang tersohor di Malaysia, melaporkan bahawa 10 pekerjaan teratas dalam profesyen IT termasuk jurutera/pemrogram perisian komputer, jurutera rangkaian/sistem komputer, eksekutif IT/MIS, penganalisis fungsi sistem/ perniagaan, pengurus sistem maklumat dan komputer, bantuan teknikal, pengendali sistem, ketua pasukan pembangunan perisian, pengurusan projek perisian dan penganalisis sistem.

Maklum balas graduan

Nana Puspita Sari, salah seorang graduan Sarjana Muda Maklumat dan Komunikasi, berkata beliau mempelajari banyak perkara sepanjang pengajian saya di AeU, mencakupi ilmu teori dan praktikal mengenai ICT yang amat bermanfaat bagi kariernya kelak.

"Pengalaman menimba ilmu daripada ramai pensyarah berbilang bangsa yang memiliki latar belakang industri yang berbeza, menjadikan saya mampu memahami kelainan dialek bahasa Inggeris serta cepat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berbilang budaya. Saya seronok mengikuti kelas komunikasi di luar kelas mengikut kesesuaian subjek yang diajar," katanya.